

***INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS***

*ASAS KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)*

**M.N. PIONEER TRANSPORT  
ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

DATIN MAZIAH ONN  
PENSYARAH ETR (300)  
ITM PERLIS

**DISEDIAKAN OLEH :**

MAZNI MUSTAFA AL-BAKRI (96953239)  
MASNI YAHYA (96559218)  
MUSLIZA ABU BAKAR (96964835)  
MUNIRAH ALI (96411523)  
NOOR AZMAH ABD. RAHMAN (96964682)

**DIPLOMA PERAKAUNAN  
BAHAGIAN 5A**

ISI KANDUNGAN	M/Surat
1. SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN	1-2
2. MUQADDIMAH	3
3. PENGHARGAAN	4-7
4. PENGENALAN	8-27
5. RANCANGAN PENTADBIRAN	29-49
6. RANCANGAN PEMASARAN	50-70
7. RANCANGAN OPERASI	71-95
8. RANCANGAN KEWANGAN	96-117
9. RUMUSAN	118-119
10. LAMPIRAN	

## PENGENALAN

**M.N. PIONEER TRANSPORT ENTERPRISE** akan ditubuhkan di Butterworth, Pulau Pinang. Firma ini akan menjalankan aktiviti dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan barangan dari gudang ke kilang yang diminta oleh pelanggan dan sebaliknya. Firma kami juga akan mengambil tempahan untuk individu yang memerlukan perkhidmatan ini untuk tujuan berpindah rumah, peralatan perkahwinan atau sebarang majlis dan sebagainya sebagai pendapatan sampingan.

Pemilihan perniagaan ini dilakukan berdasarkan beberapa faktor yang menarik minat kami untuk sama-sama mengambil sebarang risiko dalam usaha untuk menjadikan perniagaan ini berjaya. Antara faktor-faktornya adalah:-

- a) Sebagai menyahut seruan Kerajaan.
  - Penubuhan **M.N.PIONEER TRANSPORT ENTERPRISE** adalah bertujuan untuk menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan usahawan Bumiputera menceburi bidang perniagaan.
  
- b) Memberi pulangan yang lumayan.
  - Dari penelitian kami, perniagaan ini didapati dapat memberi pulangan yang lumayan seandainya diusahakan secara bersungguh-sungguh dan bersistematik.
  
- c) Meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan barangan.
  - Perkembangan mutu perkhidmatan pengangkutan barangan di ketika ini boleh dikatakan memuaskan, namun firma kami akan berusaha untuk menaikkan kualiti perkhidmatan dari yang sedia ada kepada yang lebih baik.

## **TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Antara tujuan utama Rancangan Perniagaan ini adalah:-

### **a) SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN ETR 300**

Setiap pelajar yang mengambil matapelajaran Etr 300 diwajibkan untuk mengemukakan Rancangan Perniagaan kumpulan masing-masing kepada pensyarah untuk dinilai.

### **B) SEBAGAI GARIS PANDUAN KEPADA AHLI-AHLI RAKAN KONGSI**

Penyediaan Rancangan Perniagaan ini adalah bagi membolehkan ahli-ahli rakan kongsi **M.N.PIONEER TRANSPORT ENTERPRISE**, yang mana merupakan bakal-bakal usahawan muda untuk melihat projek yang akan diusahakan secara berobjektif, lebih praktikal dan rasional. Ia akan menjadi garis panduan untuk kami selaku rakan kongsi untuk menguruskan perniagaan agar selaras dengan objektif dan matlamat **M.N. PIONEER TRANSPORT ENTERPRISE**.

### **C) SEBAGAI SATU USAHA UNTUK MENARIK MINAT PARA PELANGGAN**

Penyediaan Rancangan Perniagaan ini juga bertujuan untuk menarik perhatian para pelanggan. Kajian pemasaran yang dilakukan secara tidak langsung telah memperkenalkan **M.N.PIONEER TRANSPORT ENTERPRISE** kepada bakal pelanggannya.

## LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	: <b>M.N. PIONEER TRANSPORT ENTERPRISE</b>
Alamat Perniagaan	: 5007 Jalan New Ferry, 12100, Butterworth, Pulau Pinang.
Alamat Surat-Menyurat	: -sda-
No. Telefon	: 604 – 5640013
No. Fax	: 604 – 5640014
Bentuk Perniagaan	: Perkongsian ( Enterprise )
Kegiatan Utama	: Perkhidmatan Pengangkutan Barangan dari Kilang atau Gudang ke Destinasi Tertentu
Tarikh Memulakan Perniagaan	: 1 Januari 2003
Pengurusan	: Diuruskan oleh Rakan-rakan Kongsi Sendiri
Modal Permulaan	: Rm 300,000.00
Kegunaan Modal	: Semuanya Digunakan untuk Penubuhan Perniagaan
Moto Perniagaan	: <b>M</b> - Move <b>O</b> - Operation <b>V</b> - Very <b>E</b> - Efficient